

**KEPATUHAN AGAMA IBU-BAPA DENGAN  
PENGHAYATAN AKHLAK DALAM KALANGAN  
PELAJAR DI KELAS ALIRAN AGAMA**



UMS

**SALMAH BINTI S HASSAN**

**PUSAT PENATARAN ILMU DAN BAHASA  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2020**

**KEPATUHAN AGAMA IBU-BAPA DENGAN  
PENGHAYATAN AKHLAK DALAM KALANGAN  
PELAJAR DI KELAS ALIRAN AGAMA**



**SALMAH BINTI S HASSAN**

**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK  
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH  
SARJANA SASTERA**

**PUSAT PENATARAN ILMU DAN BAHASA  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2020**

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS**


JUDUL : **KEPATUHAN AGAMA IBU BAPA DENGAN PENGHAYATAN AKHLAK DALAM KALANGAN PELAJAR DI KELAS ALIRAN AGAMA**

IJAZAH : **SARJANA SASTERA**

BIDANG : **PENGAJIAN ISLAM**

Saya **SALMAH BINTI S HASSAN**, sesi Pengajian **2018-2020**, mengaku membenarkan tesis sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja,
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi,
4. Sila tandakan (/)



☐ SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA rahsia 1972)

☐

TERHAD

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA rahsia 1972)

☐

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh,

**SALMAH S HASSAN**

(Tandatangan Pustakawan)

Tarikh : 30 Oktober 2020

(DR. ISSRAQ HAJI RAMLI)  
Penyelia

## **PENGAKUAN**

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

25 Februari 2020



Salmah Binti S Hassan

MU1811001T



UMMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **PENGESAHAN**

NAMA : **SALMAH BINTI S HASSAN**

NOMBOR MATRIK : **MU1811001T**

TAJUK : **KEPATUHAN AGAMA IBU-BAPA DENGAN  
PENGHAYATAN AKHLAK DALAM KALANGAN  
PELAJAR DI KELAS ALIRAN AGAMA.**

IJAZAH : **SARJANA SASTERA**

BIDANG : **PENGAJIAN ISLAM**

TARIKH VIVA : **27 OGOS 2020**



**PENYELIA**

Dr. Issraq Bin Haji Ramli

**DISAHKAN OLEH;**

**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Tandatangan

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Selawat dan salam ke atas junjungan Besar Baginda Rasulullah Saw. Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan kehendak, rahmat, inayah serta kasih sayangNya, saya berjaya menamatkan pengajian saya dengan menyelesaikan tesis ini bagi memenuhi keperluan untuk Ijazah Sarjana penyelidikan (MA) di Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa (PPIB), Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Jutaan terima kasih buat bonda tercinta Hajjah Zainab Awadan yang tidak pernah berhenti mendoakan kesejahteraan sepanjang pengajian saya. Juga buat seluruh keluarga saya dan kedua orang anak kesayangan saya Ahmad Hassan dan Rumaisya yang menjadi tonggak kekuatan sehingga saya mampu menyelesaikan tesis ini. Buat semua sahabat-sahabat dan mentor yang terlalu banyak membantu, menyokong dan menginspirasi saya sepanjang tempoh pengajian saya, serta penyelia yang saya hormati al-Fadhil Dr. Issraq Bin Haji Ramli yang banyak memberikan bantuan dan dorongan sepanjang menyelia hasil kerja saya. Ucapan terima kasih ini juga buat rakan-rakan seperjuangan saya yang sama-sama menjalani pengajian. Semoga Allah melimpahkan rahmat, kasih sayang dan ganjaran yang berterusan di dunia dan di akhirat buat mereka. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud,

"Sesiapa yang menempuh satu jalan untuk mencari ilmu pengetahuan, maka Allah memudahkan baginya satu jalan untuk menuju ke Syurga"

(Hadith Riwayat Muslim)

Ganjaran bagi pencinta ilmu ini bukan biasa-biasa, Justeru, jalannya juga harus luar biasa. Saya berterima kasih kepada suka dan duka kehidupan. Allah jualah yang Maha Mentadbir. Saya teruskan melangkah!

Akhirnya, tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Malaysia yang memberikan saya peluang penajaan pengajian saya menerusi program Hadiah Lanjutan Persekutuan (HLP) dengan biasiswa penuh, semoga saya dapat memberikan sumbangan untuk KPM menerusi khidmat bakti saya sebagai seorang guru.

Alhamdulillah, semoga Allah memelihara saya dari kesilapan-kesilapan melalui tesis ini dan semoga penulisan ini dapat dimanfaatkan oleh sesiapa sahaja yang merujuk tesis ini. Amin.

Salmah Sheikh Hassan

20 Februari 2020

## ABSTRAK

Akhlak merupakan perkara yang amat penting dalam kehidupan manusia. Adalah sia-sia kepada seseorang individu itu mempunyai ilmu yang tinggi jika tidak mempunyai akhlak. Hal ini kerana akhlak menjadikan ilmu yang ada dalam diri seseorang itu bermanfaat dan berguna kepada masyarakat. Akhlak pelajar dapat dibentuk melalui pelbagai cara dan antara yang paling penting adalah peranan Ibu bapa dalam memberikan ilmu serta contoh teladan akhlak yang baik. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti hubungan kepatuhan agama ibu-bapa dengan penghayatan akhlak dalam kalangan pelajar KAA di Kota Kinabalu Sabah. Selain itu, kajian ini dapat menentukan perbezaan penghayatan akhlak berdasarkan jantina pelajar dan faktor pendidikan ibu bapa. Keseluruhan kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang melibatkan 316 pelajar KAA menerusi teknik pensampelan rawak. Analisis data telah dijalankan menggunakan perisian IBM SPSS versi 25.0. Statistik deskriptif dan inferensi telah digunakan bagi membentangkan dapatan kajian. Hasil kajian telah menunjukkan hipotesis nul tidak diterima dan sekali gus membuktikan bahawa kepatuhan agama ibu bapa mempunyai hubungan dengan penghayatan akhlak. Kajian juga menunjukkan kepatuhan agama ibu bapa berada di tahap yang sederhana dan penghayatan akhlak pelajar di tahap yang tinggi. Dapatan juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan penghayatan akhlak berdasarkan jantina pelajar. Walau bagaimanapun, faktor pendidikan ibu bapa memberi kesan yang berbeza kepada penghayatan akhlak. Implikasi kajian bukan sahaja dapat memberikan sumbangan dan kepentingan dalam amalan berkenaan kepatuhan agama dan penghayatan akhlak, malah dapat menjadi bukti perlunya penghayatan akhlak dalam generasi baru yang bersifat *rabbani* iaitu berlandaskan redha Allah dan mematuhi segala suruhan-Nya dan menjauhi larangan-Nya. Dengan demikian, kehidupan masyarakat yang aman damai dan harmoni akan wujud bertepatan firman Allah dalam surah Saba':1`5 "baldatun toiyyibatun wa robbun ghafur" (Negeri yang baik dengan Rabb yang Maha pengampun).

Kata kunci: Penghayatan, Akhlak, Kepatuhan, Agama, KAA.

## **ABSTRACT**

### **PARENT'S GENDER, EDUCATION AND RELIGIOUS OBSERVANCE AND MORAL INTERNALISATION OF KAA STUDENTS IN KOTA KINABALU, SABAH.**

*Morals are very important aspects in the life of man. It is a waste when someone highly knowledgeable is without morals. This is because morals make the knowledge in someone useful and beneficial to society. A student's morals are moulded in various ways; among the most important means is the role of parents in equipping them with knowledge and good moral examples. This research was therefore undertaken to identify the relationship between parents' religious observance with the moral internalisation of KAA students in Kota Kinabalu, Sabah. In addition, this study was able to ascertain differences in moral internalisation based on student gender and parents' education. The study utilised a quantitative approach involving 316 KAA students through the random sampling technique. Data analysis was conducted using IBM SPSS Version 25.0 software. Descriptive and inferential statistics were used to present the findings of this study. The study outcome showed that the null hypothesis was not acceptable which proved that the religious observance of parents was related to moral internalisation. This study also indicated that the religious observance of parents was at a moderate level and the moral internalisation of students at a high level. Findings also pointed towards there being no difference in moral internalisation based on student gender. However, parents' education had various effects on moral internalisation. The implication of this study is not only in its contribution and relevance in religious observance practices and moral internalisation but also in it providing evidence on the need for moral internalisation among the new generation that is rabbani i.e. anchored on the will of Allah and adherence of His teachings and prohibitions. In this way, a society that is peaceful and harmonious would be realised in accordance with His words in Surah Saba':15 "baladatun toiyyibatun wa robbun ghafur" (a good country with a merciful Raab).*

*Keywords: Internalisation, Morals, Observance, Religion, KAA.*



## SENARAI KANDUNGAN

|                                                     | Halaman |
|-----------------------------------------------------|---------|
| <b>TAJUK</b>                                        | i       |
| <b>PENGAKUAN</b>                                    | ii      |
| <b>PENGESAHAN</b>                                   | iii     |
| <b>PENGHARGAAN</b>                                  | iv      |
| <b>ABSTRAK</b>                                      | v       |
| <b><i>ABSTRACT</i></b>                              | vi      |
| <b>SENARAI KANDUNGAN</b>                            | vii     |
| <b>SENARAI JADUAL</b>                               | xi      |
| <b>SENARAI RAJAH</b>                                | xii     |
| <b>SENARAI GRAF</b>                                 | xiii    |
| <b>SENARAI LAMPIRAN</b>                             | xiv     |
| <b>BAB 1 : PENDAHULUAN</b>                          |         |
| 1.1 Pengenalan                                      | 1       |
| 1.2 Latar Belakang Kajian                           | 5       |
| 1.3 Permasalahan Kajian                             | 13      |
| 1.4 Persoalan Kajian                                | 19      |
| 1.5 Objektif Kajian                                 | 19      |
| 1.6 Hipotesis Kajian                                | 20      |
| 1.7 Kepentingan Kajian                              | 20      |
| 1.7.1 Pihak Sekolah                                 | 20      |
| 1.7.2 Ibu bapa                                      | 21      |
| 1.7.3 Pelajar                                       | 21      |
| 1.7.4 Kepentingan kepada Pengkaji dan Bidang Ilmiah | 21      |
| 1.8 Batasan Kajian                                  | 22      |
| 1.9 Definisi Konsep dan Operasi                     | 22      |

|       |                            |    |
|-------|----------------------------|----|
| 1.9.1 | Kepatuhan Agama Ibu Bapa   | 22 |
| 1.9.2 | Penghayatan                | 23 |
| 1.9.3 | Kepatuhan Akhlak           | 23 |
| 1.9.4 | Kelas Aliran Agama         | 26 |
| 1.10  | Kerangka Konseptual Kajian | 26 |
| 1.11  | Kesimpulan                 | 26 |

## **BAB 2: SOROTAN LITERATUR**

|       |                                                        |    |
|-------|--------------------------------------------------------|----|
| 2.1   | Pengenalan                                             | 28 |
| 2.2   | Peranan Ibu Bapa Menurut Islam                         | 28 |
| 2.3   | Konsep Penghayatan Akhlak                              | 35 |
| 2.4   | Kajian-kajian Lepas                                    | 38 |
| 2.4.1 | Kajian Berkaitan Sikap Kepatuhan Agama Ibu Bapa        | 38 |
| 2.4.2 | Peranan Ibu Bapa Terhadap Penghayatan Akhlak Anak-anak | 42 |
| 2.4.3 | Kajian Berkaitan Penghayatan Akhlak Pelajar            | 45 |
| 2.4.4 | Kajian Berkaitan Faktor Jantina                        | 50 |
| 2.4.5 | Kajian Berkaitan Faktor Tahap Pendidikan Ibu bapa      | 51 |
| 2.5   | Kelas Aliran Agama di Sekolah Menengah Harian          | 52 |
| 2.6   | Teori Kajian                                           | 53 |
| 2.6.1 | Teori Akhlak Al-Ghazali                                | 53 |
| 2.6.2 | Teori Kognitif Albert Bandura                          | 55 |
| 2.7   | Kesimpulan                                             | 57 |

## **BAB 3 : METODOLOGI**

|     |                    |    |
|-----|--------------------|----|
| 3.1 | Pengenalan         | 58 |
| 3.2 | Rekabentuk Kajian  | 58 |
| 3.3 | Populasi Kajian    | 59 |
| 3.4 | Pensampelan Kajian | 59 |
| 3.5 | Prosedur Kajian    | 60 |

|                                |                                                                                                 |    |
|--------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------|----|
| 3.6                            | Instrumen Kajian                                                                                | 61 |
| 3.6.1                          | Demografi Responden                                                                             | 61 |
| 3.6.2                          | Kepatuhan Agama Ibu Bapa                                                                        | 62 |
| 3.6.3                          | Penghayatan Akhlak                                                                              | 63 |
| 3.7                            | Kebolehpercayaan Instrumen Kajian                                                               | 64 |
| 3.8                            | Kesahan Instrumen Kajian                                                                        | 66 |
| 3.8.1                          | Kesahan Muka                                                                                    | 66 |
| 3.8.2                          | Kesahan Konvergen                                                                               | 66 |
| 3.9                            | Ujian Kenormalan Data                                                                           | 66 |
| 3.10                           | Analisis Min                                                                                    | 70 |
| 3.11                           | Analisis Korelasi                                                                               | 70 |
| 3.12                           | Ujian Kesahan dan Kebolehpercayaan                                                              | 71 |
| 3.13                           | Kesimpulan                                                                                      | 82 |
| <b>BAB 4: KEPUTUSAN KAJIAN</b> |                                                                                                 |    |
| 4.1                            | Pengenalan                                                                                      | 83 |
| 4.2                            | Pemeriksaan Data Kajian                                                                         | 84 |
| 4.2.1                          | Data yang Berjaya di Kutip                                                                      | 84 |
| 4.3                            | Analisis Deskriptif                                                                             | 85 |
| 4.3.1                          | Taburan Responden                                                                               | 85 |
| 4.4                            | Keputusan Analisis Tahap untuk Item                                                             | 88 |
| 4.5                            | Keputusan Analisis Tahap untuk Dimensi Kepatuhan Agama dan Tahap Keseluruhan Penghayatan Akhlak | 94 |
| 4.6                            | Keputusan Pengujian Hipotesis-hipotesis Kajian                                                  | 96 |
| 4.6.1                          | Pengujian Perbezaan Berdasarkan Jantina                                                         | 96 |
| 4.6.2                          | Pengujian Perbezaan Berdasarkan Pendidikan Ibu dan Pendidikan Bapa                              | 96 |
| 4.6.3                          | Pengujian Hubungan Kepatuhan Agama Ibu Bapa dan Penghayatan Akhlak                              | 98 |

|     |            |     |
|-----|------------|-----|
| 4.7 | Rumusan    | 99  |
| 4.8 | Kesimpulan | 100 |

## **BAB 5: PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN**

|       |                                                                             |     |
|-------|-----------------------------------------------------------------------------|-----|
| 5.1   | Pengenalan                                                                  | 101 |
| 5.2   | Perbincangan Demografi Responden                                            | 102 |
| 5.3   | Perbincangan Hasil Kajian Berdasarkan Objektif                              | 102 |
| 5.3.1 | Tahap Kepatuhan Agama Ibu Bapa                                              | 102 |
| 5.3.2 | Tahap Penghayatan Akhlak Pelajar                                            | 103 |
| 5.3.3 | Perbezaan Penghayatan Akhlak Berdasarkan Jantina                            | 104 |
| 5.3.4 | Perbezaan Penghayatan Akhlak Berdasarkan Pendidikan Bapa dan Pendidikan Ibu | 105 |
| 5.3.5 | Hubungan Kepatuhan Ibu Bapa dengan Penghayatan Akhlak Pelajar               | 106 |
| 5.4   | Perbincangan Hasil Kajian Berdasarkan Teori                                 | 107 |
| 5.5   | Implikasi Kajian                                                            | 110 |
| 5.6   | Cadangan Kajian Pada Masa akan Datang                                       | 111 |
| 5.7   | Kesimpulan                                                                  | 112 |

|                |            |
|----------------|------------|
| <b>RUJUKAN</b> | <b>114</b> |
|----------------|------------|


|                 |            |
|-----------------|------------|
| <b>LAMPIRAN</b> | <b>134</b> |
|-----------------|------------|

## SENARAI JADUAL

|                                                                                                         | Halaman |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------|
| Jadual 2.1: Mata Pelajaran yang Ditawarkan dalam Kelas Aliran Agama (KAA)                               | 53      |
| Jadual 3.1 Penentuan Saiz Sampel Berdasarkan Populasi Kejcie dan Morgan                                 | 60      |
| Jadual 3.2: Maklumat dan Perincian Demografi Pelajar                                                    | 61      |
| Jadual 3.3: Dimensi dan Item untuk Kepatuhan Agama Ibu Bapa                                             | 63      |
| Jadual 3.4: Nilai Alpha Cronbach Instrumen Mengikut Sekarang (1992)                                     | 65      |
| Jadual 3.5: Nilai Alpha Cronbach Semua Instrumen Dalam Kajian Rintis                                    | 65      |
| Jadual 3.6: Indeks Korelasi Pearson                                                                     | 71      |
| Jadual 4.1: Pungutan Soal Selidik                                                                       | 84      |
| Jadual 4.2: Maklumat Taburan Responden                                                                  | 85      |
| Jadual 4.3: Pengelasan Tahap Berdasarkan Skor Min                                                       | 89      |
| Jadual 4.4: Analisis Min Item Kepatuhan Beragama Ibu Bapa                                               | 90      |
| Jadual 4.5: Analisis Min Item Penghayatan Akhlak                                                        | 91      |
| Jadual 4.6: Tahap-tahap Kepatuhan Agama dan Dimensinya dan Penghayatan Akhlak                           | 94      |
| Jadual 4.7: Perbezaan Penghayatan Akhlak Berdasarkan Jantina                                            | 96      |
| Jadual 4.8: Perbezaan Penghayatan Akhlak Berdasarkan Jantina                                            | 97      |
| Jadual 4.9: Hubungan Korelasi Pearson Antara Beragama Ibu Bapa dan Dimensinya dengan Penghayatan Akhlak | 98      |

## SENARAI RAJAH

|                                                                      | Halaman |
|----------------------------------------------------------------------|---------|
| Rajah 2.1: Bandura's Reciprocal Determinism                          | 56      |
| Rajah 3.1: Histogram Taburan Normaliti Data Kepatuhan Agama Ibu Bapa | 67      |
| Rajah 3.2: Histogram Taburan Normaliti Data Penghayatan Akhlak       | 68      |
| Rajah 3.3: Plot Normal Q-Q Kepatuhan Ibu Bapa                        | 68      |
| Rajah 3.4: Plot Normal Q-Q Penghayatan Akhlak                        | 69      |
| Rajah 3.5: Plot Kotak Kepatuhan Agama Ibu Bapa                       | 69      |
| Rajah 3.6: Plot Kotak Penghayatan Akhlak                             | 70      |



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI GRAF


|                                            | Halaman |
|--------------------------------------------|---------|
| Graf 1.1: Statistik Remaja Hamil 2014-2018 | 6       |



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI LAMPIRAN

|                                                                                                                                                                                                                                           | Halaman |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------|
| LAMPIRAN A: Senarai Panel Rujukan/ Pengesahan Instrumen<br>Soal Selidik Kajian                                                                                                                                                            | 134     |
| LAMPIRAN B: Mohon Sebagai Panel Profesional ( <i>Profesional Expert</i> )<br>Bagi Semakan dan Pengesahan Kandungan Soal Selidik<br>Penyelidikan di Peringkat Ijazah Sarjana, Pusat Penataran<br>Ilmu dan Bahasa Universiti Malaysia Sabah | 135     |
| LAMPIRAN C: Borang Pengesahan Kandungan Instrumen                                                                                                                                                                                         | 144     |
| LAMPIRAN D: Mohon Menjalankan Kajian                                                                                                                                                                                                      | 154     |



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



# **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 Pengenalan**

Akhlak merupakan antara salah satu aspek yang membicarakan tentang perihal berkenaan dengan syariah yang membentuk keperibadian dan sahsiah manusia agar dapat menjalani kehidupan seperti yang telah disyariatkan oleh agama Islam. Akhlak merupakan perkara yang tidak asing lagi di dalam kehidupan seharian bagi setiap manusia, malah, ia merupakan suatu perkara yang diutamakan di dalam Islam. Menurut definisi yang diberikan oleh Imam Al-Ghazali (1997) di dalam kitabnya 'Ihya 'Ulumuddin', akhlak didefinisikan sebagai suatu perangai (watak atau tabiat) yang menetap kuat dalam jiwa seseorang dan merupakan sumber timbulnya perbuatan dirinya secara tanpa perlu difikirkan atau direncanakan sebelumnya. Ini bermakna akhlak dizahirkan secara natural hasil daripada kelaziman yang diamalkan.

Menurut Abd al Karim Zaydan (1976), akhlak dalam Islam diletakkan di tempat yang sangat tinggi manakala agama dinyatakan sebagai risalah untuk meninggikan akhlak dan memuliakannya. Selain itu, akhlak merupakan sebahagian ruang lingkup syariah selain daripada akidah, ibadah dan termasuk di antaranya adalah muamalah yang mengatur tentang peraturan sistem kehidupan manusia.

Rasulullah Saw sendiri merupakan sebagai ikon penghayatan akhlak dan suri teladan serta *role model* agung umat Islam di akhir zaman ini.

Hadis dari Abu Hurairah R.A., ia berkata:

Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ مَكَارِمَ الْأَخْلَاقِ

“Sesungguhnya aku diutus hanya untuk menyempurnakan kemuliaan akhlak.”

(Al-Bayhaqi dalam *al-Sunan al-Kubrâ'* no.hadith 20782)

Individu yang berakhlak mempunyai tempat yang istimewa di dalam Islam. Rasulullah s.a.w, turut menekankan keistimewaan ini pada hadisnya yang diriwayatkan dari Jabir Bin Abdullah R.A Nabi Muhammad saw, dalam sebuah riwayat terdapat peristiwa di mana Rasulullah menjelaskan siapa saja golongan yang kelak yang paling dekat dengannya di hari Kiamat.

Sehubungan itu, orang yang memiliki akhlak mulia adalah salah satu golongan yang paling dekat dengan Nabi di hari Kiamat. Siapakah orang yang berakhlak mulia? Dalam hadis Nabi tersebut menjelaskan bahawa orang yang berakhlak mulia bukanlah orang yang keras, bahkan tidak suka menghina sesama muslim dan tidak sombong. Malah, orang yang melakukan tiga perbuatan demikian akan menjadi orang yang paling jauh dari Nabi pada saat hari Kiamat. Dalam sisi lainnya, kenyataan di atas berkenaan akhlak juga turut diperkukuhkan dalam sebuah hadis di bawah ini.

عن جابر بن عبد الله رضي الله عنه أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: إن من أحبكم إليّ وأقربكم مني مجلساً يوم القيامة أحاسنكم أخلاقاً وإن أبغضكم إليّ وأبعدكم مني مجلساً يوم القيامة الثرثارون والمتشدقون والمتفيهقون.

“ Orang yang beriman yang paling dekat dengan Nabi SAW pada hari kiamat dalam satu majlis adalah orang yang mempunyai akhlak yang baik dan orang yang paling jauh dengan Nabi SAW adalah orang yang menyombong diri”.

(ibn al-Arabiyy, al Malikiyy, no hadith 2321 J.7)

Hadith Nabi SAW yang diriwayatkan dari Jabir R.A ini menjelaskan bahawa orang yang beriman yang paling dekat dengan Nabi S.A.W pada hari kiamat dalam satu majlis ialah orang yang mempunyai akhlak yang baik dan orang yang paling jauh dengan Nabi S.A.W ialah orang yang menyombong diri.

Kenyataan ini membuktikan bahawa akhlak terzahir secara semula jadi hasil daripada kelaziman yang diamalkan. Sebagaimana yang telah diterangkan di atas, menurut Imam Al Ghazali, (1997) akhlak merupakan suatu perangai, watak atau tabiat yang menetap kuat dalam jiwa seseorang dan merupakan sumber timbulnya perbuatan dirinya tanpa perlu berfikir atau perencanaan sebelumnya. Dengan kata lain, akhlak itu sudah menjadi sifat atau kebiasaan usia (Siti Norlina Muhammad, Mohd Nasir Ripin & Mohd Dani Muhammad, 2004).

Letakkan akhlak di atas ilmu sebagaimana yang diceritakan oleh Aburrahman bin Qasim mengenai Imam Malik. Beliau merupakan seorang anak murid dan juga merupakan seorang pelayan Imam Malik bin Annas (Hidayatullah.com, 2011). Beliau menuturkan kesaksian beliau selama beliau menjadi pelayan kepada Imam Malik sebagaimana ayat yang berikut:

“Tidak kurang dua puluh tahun aku menjadi pelayan imam Malik. selama 20 tahun tersebut. aku perhatikan beliau menghabiskan 2 tahun untuk mempelajari ilmu dan 18 tahun untuk mempelajari akhlak”.

(Hidayatullah.com, 2011)

Petikan ini menjelaskan tentang kepentingan penghayatan akhlak yang menjadi sumber kejayaan dalam menuntut ilmu. Makna literal daripada petikan ini adalah, seseorang yang hendak menuntut ilmu hendaklah bermula daripada pembelajaran akhlak. Ini menunjukkan bahawa tanpa adanya akhlak, maka sesuatu kejayaan dalam diri seseorang itu tidak akan berguna. Ketinggian nilai ilmu itu sebenarnya juga dapat diukur daripada ketinggian akhlaknya.

Imam Malik sendiri hanya mengambil masa selama dua tahun untuk mempelajari ilmu namun mengambil masa selama 18 tahun untuk mempelajari akhlak. Berdasarkan situasi ini, dapat dijelaskan bahawa nilai kepatuhan terhadap agama itu adalah amat penting.

Oleh yang demikian, penghayatan akhlak perlu dihayati dan diperolehi melalui pendidikan yang mempunyai dasar-dasar moral dan keutamaan dalam konteks penerapan, tabiat, tingkah laku dan watak yang harus dimiliki (Muhammad Lazim, 2011). Beliau turut menambah bahawa ini perlu dijadikan sebagai suatu kebiasaan

oleh seseorang individu sepanjang pertumbuhan mereka semenjak dari kecil sehinggalah menjadi mukallaf. Sehubungan itu, penghayatan akhlak yang diterapkan menerusi pendidikan bukan sahaja sekadar melalui sistem pendidikan formal tetapi juga melalui pendidikan tidak formal oleh ibu bapa mereka di rumah (Naimah Ghazali, Khadijah Abdul Razak & Maimun Aqsha Lubin Abdin, 2016). Ini kerana penghayatan akhlak ini berevolusi semenjak seseorang individu itu membesar bersama keluarga lagi. Justeru itu, dapatlah dikatakan bahawa kecenderungan seseorang individu lebih banyak menghabiskan masa bersama keluarga dalam proses penghayatan akhlak ini.

Secara umumnya, pendidikan secara tidak formal itu termasuklah pendidikan kepatuhan agama, pendidikan akhlak, pendidikan jasmani, pendidikan akal dan pendidikan sosial. Kepatuhan agama dan spiritual adalah asas utama bagi pendidikan keluarga. Kepatuhan agama meliputi pendidikan akidah, akhlak, mengenal hukum halal dan haram, memerintahkan anak beribadat (solat) sejak berusia tujuh tahun, mendidik anak untuk mencintai Rasulullah S.A.W, keluarganya, orang-orang soleh dan mengajar anak-anak untuk membaca al-Quran. Imam al-Ghazali (dipetik dari Hashim Ahmad, 2018) berkata:

"Hendaklah anak kecil diajarkan dengan al-Quran, hadis dan sejarah orang-orang soleh, akhlak, kemudian hukum Islam.

Rasulullah S.A.W bersabda sebagaimana berikut:

كُلُّ مَوْلُودٍ يُوَلَّدُ عَلَى الْفِطْرَةِ، فَأَبَوَاهُ يُهَوِّدَانِهِ أَوْ يُمَجِّسَانِهِ أَوْ يَنْصَرِّانِهِ

"Bahawa setiap bayi yang lahir ke dunia ini dalam kepada fitrah (suci), maka kedua orang tuanyalah yang akan menjadikannya sebagai seorang Yahudi, Nasrani atau Majusi"

(Sahih Ibnu Hibban, bab al-Fitrah: jil.1: #no.132)

Hadis di atas menjelaskan bahawa mendidik itu sebenarnya adalah hak ibu bapa. Ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam membentuk akhlak anak-anak mereka. Ini bermakna akhlak yang baik atau buruk seseorang anak itu bergantung kepada bagaimana mereka membimbing anak-anak mereka dengan memodelkan kepatuhan agama yang mereka amalkan. Amalan kepatuhan agama yang mereka tampilkan dalam keluarga lebih cenderung untuk memberi impak

kepada anak-anak khususnya kepada anak-anak yang sudah meningkat remaja. Golongan remaja ini amat penting kepada pembangunan keluarga dan masyarakat. Ini kerana mereka adalah aset utama ke arah pembangunan negara. Remaja yang mempunyai peribadi mulia dan berwawasan mampu menjadi pewaris negara yang berkualiti. Namun jika sebaliknya, remaja yang mempunyai akhlak yang buruk lebih cenderung untuk memusnahkan harapan keluarga, masyarakat dan negara.

## **1.2 Latar Belakang Kajian**


Sejarah KAA diwujudkan bagi menampung permohonan murid-murid ke SMKA yang terhad. Ia mula dilaksanakan secara rintis di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) pada tahun 1987 (Syekh Sarawak, t.th.). Pada Februari 1990, Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia telah meminta pengarah-pengarah pendidikan negeri menubuhkan KAA di Sekolah Menengah Kebangsaan. Oleh itu, pada tahun 1992, sebanyak 130 buah sekolah telah terlibat dengan pelaksanaan KAA. Memenuhi teras Ke-3 dalam PIPP 2006-2010: Memperkasa Sekolah Kebangsaan - 2025 dalam Aspirasi Murid) : Memenuhi permintaan masyarakat terhadap pendidikan aliran agama. KAA selari dengan PPPM di bawah inisiatif meningkatkan akhlak pelajar dan kualiti pendidikan agama (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2015, 2013).

Masyarakat era globalisasi pada hari ini seakan-akan tidak dapat dipisahkan dengan arus kemodenan dan juga teknologi yang canggih. Walau bagaimanapun, keadaan ini akan mendatangkan lebih banyak cabaran akhlak terhadap masyarakat. Oleh yang demikian, proses penghayatan akhlak dalam diri seseorang adalah amat penting khususnya generasi muda yang kebanyakannya terdiri daripada para pelajar. Biarpun golongan pelajar telah disediakan dan diberikan ilmu yang berkaitan akhlak melalui pendidikan akhlak di sekolah, namun masih terdapat sebilangan besar daripada golongan pelajar ini yang kurang menghayati akhlak yang sesuai dengan syariat Islam.

Terdapat banyak pengaruh negatif yang mudah diserap masuk dalam masyarakat. Mohammad Rizan Hassan (2019) di dalam sebuah artikel turut menyenaraikan beberapa penyakit sosial yang sedang melanda anak remaja kita seperti lumba haram motosikal, basikal lajak, kehamilan anak di luar nikah, penyalahgunaan dadah, dan perbuatan yang melanggar tatasusila budaya timur kita.

Malah setiap lapisan masyarakat mudah terjebak dalam kancah yang tidak sihat. Perkembangan yang membimbangkan ini dapat dilihat daripada pelbagai kejadian negatif yang berlaku di negara ini. Oleh itu, usaha ke arah memastikan pelajar mempunyai penghayatan akhlak yang mulia perlu diperbanyakkan agar dapat diaplikasikan apabila berdepan dengan kehidupan sebenar dalam masyarakat. Salah satu isu yang semakin serius sedang berlaku dalam kalangan remaja perempuan di Malaysia ialah mengandung anak di luar nikah seperti maklumat berikut.

Menurut maklumat statistik yang disiarkan dalam rancangan Meja Bulat Syariah di TV3 (20 Ogos 2019), kawasan tertinggi pembuangan bayi adalah di kawasan perumahan yang mempunyai sebanyak 292 kes, di dalam tandas 115 kes, tempat pembuangan sampah 95 kes dan loji atau longkang dan kumbahan 68 kes. Fenomena ini menunjukkan bahawa ianya merupakan salah satu kesan daripada keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja pada masa kini. Isu ini sebenarnya perlu diberikan perhatian yang serius dan langkah khusus perlu dijalankan dalam usaha untuk menangani masalah ini daripada terus berlaku.



**Graf 1.1: Statistik Remaja Hamil 2014-2018**  
Sumber: Meja Bulat Syariah di TV3 (20 Ogos 2019)

Statistik tersebut menunjukkan masalah sosial yang berlaku kesan daripada keruntuhan akhlak remaja. Isu ini merupakan antara isu yang baharu dan walaupun didapati terdapatnya pengurangan dari tahun ke tahun namun ianya masih lagi

menduduki angka yang tertinggi. Senario ini menunjukkan bahawa penghayatan akhlak dalam kalangan remaja masih lagi berada pada tahap yang membimbangkan.

Sungguhpun pelajar menerima pendidikan akhlak secara formal di sekolah, namun kes-kes sosial semakin meningkat. Antara kes sosial yang berlaku adalah kes remaja hamil di luar nikah. Pada tahun 2016, negeri Sabah telah mencatatkan jumlah kes tertinggi berbanding negeri-negeri lain di Malaysia. Sementara pada tahun 2010-2016, sekali lagi negeri Sabah berada di kedudukan kedua untuk kes pembuangan bayi di Malaysia (Namri Sidek, 2018). Kebanyakan kes yang diperoleh melibatkan pelajar-pelajar remaja perempuan di sekolah menengah. Ini tidak terkecuali dengan pelajar menengah di sekolah-sekolah agama. Kewujudan kes-kes sebegini menimbulkan persoalan akan sejauh mana penghayatan akhlak dalam kalangan para pelajar. Pelajar dididik oleh para guru tentang akhlak namun, seolah-olah masih menampakkan kelompangan usaha dalam memastikan akhlak dihayati dan dipraktikkan oleh pelajar.

Menyedari tentang betapa pentingnya akhlak terhadap manusia, maka, penghayatan akhlak telah diberikan bermula daripada didikan awal di peringkat kanak-kanak lagi. Ini kerana proses pembentukan akhlak itu adalah selari dengan perkembangan jiwa bagi seseorang itu (Rohayati Derani, 2004). Bermula daripada institusi kekeluargaan, didikan akhlak telah diberikan penekanan dan ianya berterusan dengan didikan yang diberikan di peringkat sekolah dan seterusnya ke peringkat yang lebih tinggi bagi memastikan kemantapan akhlak generasi hari ini.

Di dalam sesebuah keluarga, hasil didikan ibu bapa ini merupakan pendidikan yang pertama bagi anak-anak dalam keluarga, baik atau buruk tingkah laku anak tersebut bergantung pada kepatuhan agama dan bimbingan daripada ibu bapa itu sendiri.

Melalui kajian yang dijalankan oleh Naimah Ghazali Khadijah Abdul Razak dan Maimun Aqsha Lubin Abidin (2016) yang menjelaskan bahawa proses penghayatan akhlak dalam kalangan pelajar bukan sahaja berlaku menerusi pendidikan formal di sekolah sahaja, malah perlu dilakukan secara tidak formal oleh ibu bapa di rumah. Justeru, pembentukan penghayatan akhlak dalam kalangan anak-anak adalah

merupakan tanggungjawab ibu bapa dan pembentukan akhlak ini perlulah bermula daripada peringkat bayi lagi, dan berterusan sehingga anak itu meningkat dewasa. Kenyataan ini diperkukuhkan lagi dalam sebuah hadis, Rasulullah S.A.W telah bersabda:

" Bahawa setiap bayi yang lahir ke dunia ini dalam keadaan fitrah (suci), maka kedua orang tuanyalah yang akan menjadikannya sebagai seorang Yahudi, Nasrani atau majusi"

(Sahih Ibnu Hibban, bab al-Fitrah:jil.1: no.132)

Berdasarkan hadis itu, ibu bapa adalah orang pertama yang memberikan pelajaran kepada anaknya. Jika ditanam pada diri, ajaran dan nilai keislaman, maka mereka akan menjadi orang Islam yang baik. Itulah yang disebutkan oleh Saidina Umar kepada seorang ayah yang mengadu kepadanya kerana anaknya telah menderhaka kepadanya. Saidina Umar berkata, "Sebelum anakmu menderhakaimu, kamu lebih dahulu derhaka kepadanya."

Rasulullah S.A.W merupakan Qudwah Hasanah yang terbaik sebagai *role model* muslim dalam pelaksanaan ibadah dan juga penghayatan akhlak.

Firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 21 yang bermaksud:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُو اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ  
اللَّهَ كَثِيرًا

" Sesungguhnya pada diri Rasulullah itu sebaik-baik teladan bagi kamu (untuk diikuti) iaitu bagi orang yang mengharap (keredhaan) Allah dan (kemuliaan hidup) di akhirat dan orang yang banyak mengingat Allah".

Firman Allah SWT ini dengan jelas menerangkan kepada kita bahawa Rasulullah S.A.W adalah contoh ikutan terbaik untuk kita bagi menjamin kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat. Dengan kata lain, Rasulullah adalah contoh utama bagi kita, umat Islam. Pada diri Rasulullah itu terletak contoh pemimpin yang baik, bapa yang baik, suami yang baik, jiran yang baik, peniaga yang baik, sahabat yang baik dan banyak lagi. Pendek kata, kita selaku umat Islam tidak perlu mencari-cari peribadi atau Qudwah Hasanah daripada tokoh-tokoh lain untuk dicontohi dan diikuti selain daripada Rasulullah S.A.W. Ini kerana umat Islam telah pun dibekalkan dengan